

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 08 MAC 2014 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Tumpu kawasan utara, salatan	Harian Metro
2	No end yet to hot and dry spell	The Star
3	Keadaan angin kencang dan laut bergelora berterusan sehingga rabu ini	Bernama.com
4	Gempa bumi sederhana laanda Sumatera Utara	Bernama.com
5	Syarikat Minuman kesihatan dikesan guna tiga logo tidak Sah	Bernama.com
6	Kerajaan rancang wujudkan institusi bantu perniagaan tingkat produktiviti	Bernama.com

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 49
TARIKH: 8 MAC 2014 (SABTU)

OPERASI PEMBENIHAN AWAN

Tumpu kawasan utara, selatan

Oleh Fazurawati Che Lah

fazurawati@mediaprima.com.my
Kuala Lumpur

Operasi pembenihan awan kedua dijangka bermula esok membabitkan pembentukan awan di seluruh semenanjung selama tujuh hari.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) Datuk Che Gayah Ismail berkata, operasi itu adalah usaha mencetuskan hujan bagi menampung isi padu paras air di empangan yang kini berada pada tahap kritikal.

"Sama seperti sebelum ini, proses pembenihan awan yang sesuai menumpukan kawasan empangan yang merekodkan bacaan paras air rendah dan kritikal.

"Operasi kali ini membabitkan kawasan dari utara ke selatan semenanjung kerana kita mendapat permohonan daripada kerajaan negeri dan pengurusan empangan," katanya dihubungi, semalam.

Beliau berkata, pemantauan menerusi radar mendapati pada 9 hingga 15 Mac adalah masa sesuai untuk melaksanakan pembenihan awan dan diramalkan proses kali kedua ini menurunkan hujan.

Katanya, JMM dan TUDM memulakan persediaan awal selepas kejayaan operasi pada Isnin lalu di kawasan tadahan empangan Selangor yang menurunkan hujan di beberapa kawasan di Lembah Klang.

"Sejurus pemantauan, kami akan segera menjalankan operasi pembenihan awan untuk mencetuskan hujan, khususnya di kawasan berhampiran lokasi tadahan dan empangan.

"Setiap operasi ini akan menggunakan empat tangki berkapaciti 1,000 liter air dengan campuran 150 kilogram garam," katanya. Bagaimanapun

katanya, proses pembenihan awan itu tertakluk kepada keadaan awan, pergerakan angin dan cuaca dan peratus kejayaan untuk hujan turun melebihi 80 peratus sekiranya semua syarat pembenihan awan dipenuhi.

"Faktor kawasan juga menjadi keutamaan, sekiranya awan yang bersesuaian berada di kawasan laut proses berkenaan tidak guna dijalankan.

"Ini kerana pada ketika ini keutamaan untuk melaksanakan proses pembenihan awan untuk meningkatkan paras air di empangan yang semakin terjejas," katanya.

FAKTA

Pemantauan radar mendapati 9 hingga 15 Mac masa sesuai melaksanakan pembenihan awan

No end yet to hot and dry spell

PETALING JAYA: The current hot and dry weather is not expected to abate any time soon with the next seven days in all states expected to be without rain, according to the Malaysian Meteorological Department (MMD).

On its website, the department announced its forecast of fair weather nationwide for seven days starting yesterday, with temperatures ranging from 24°C to 35°C.

Selangor and Kuala Lumpur residents experienced some respite from the weather with rain on March 3, thanks to a successful cloud-seeding exercise.

The department recorded total rainfall of 14.4mm at its Subang meteorological station and 23.8mm



at its Petaling Jaya station between March 1 and March 6.

Although the figures seem small compared to the state's normal average daily rainfall of 40mm, the department stated it was considered "quite a lot compared to other parts of the country in the peninsula".

It also stated that the Klang Gates dam recorded the highest rainfall amount (13mm) on March 4, a day after cloud seeding. This was fol-

lowed by Batu dam at 7mm and Sungai Tinggi dam at 6mm.

However, the Sungai Selangor dam, which supplies water to 60% of households in the state, recorded a mere 0.6mm. As of yesterday, water levels at the dam remained at about 43.24%, slightly above the critical zone of 40%.

Cloud seeding appeared to have helped clear hazy conditions as most places in the country recorded good and moderate API (air pollutant index) readings yesterday.



**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 08 MAC 2014 (SABTU)



Keadaan Angin Kencang Dan Laut Bergelora Berterusan Sehingga Rabu Ini

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora di kawasan perairan Sarawak (Miri), Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah (Pantai Barat dan Kudat) dijangka berterusan sehingga Rabu ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan di sini Sabtu berkata, angin kencang Timur Laut berkelajuan antara 40 sehingga 50 kilometer sejam dan ketinggian ombak sehingga 3.5 meter itu berbahaya kepada semua bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora yang sama juga melanda daerah Condore, Reef North, Layang-Layang dan Palawan.

Sementara itu, ketampakan rendah berterusan turut dilaporkan sekitar perairan Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selat Melaka sehingga hari ini.

Keadaan ketampakan rendah kurang dari lima kilometer disebabkan jerebu ini berbahaya kepada kapal-kapal yang tidak mempunyai pemanduan arah pelayaran.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 08 MAC 2014 (SABTU)



Gempa Bumi Sederhana Landa Sumatera Utara

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.4 pada skala Richter melanda Sumatera Utara, Indonesia pada 12.14 pagi Sabtu.

Menurut **Jabatan Meteorologi Malaysia** gegaran itu dikesan di 103km di tenggara Pagar Alam, Indonesia dan 712km di tenggara Pontian, Johor.

Bagaimanapun, gegaran itu tidak mendatangkan sebarang ancaman tsunami, menurut jabatan itu lagi dalam satu kenyataan.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 08 MAC 2014 (SABTU)



Syarikat Minuman Kesihatan Dikesan Guna Tiga Logo Tidak Sah

MELAKA, 7 Mac (Bernama) -- Sebuah syarikat tempatan yang mengeluarkan minuman penjagaan kesihatan dan kecantikan dikesan menipu dengan menggunakan tiga logo perakuan tidak sah pada produknya.

Presiden Lembaga Perlindungan dan Kebajikan Pengguna Malaysia (LPKPM) Datuk Seri Prof Dr Saharuddin Awang Yahya berkata produk berasaskan buah-buahan termasuk epal hijau dan anggur itu menggunakan logo halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, **SIRIM** dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang tidak mendapat kelulusan daripada agensi itu.

"Produk yang didakwa berfungsi merangsang pertumbuhan sel baru dengan lebih optimum itu juga didapati menggunakan nombor paten bagi produk kosmetik," dakwanya dalam sidang akhbar di sini, Jumaat.

LPKPM juga sedang mendapatkan pengesahan daripada KKM sekiranya bahan di dalam produk itu selamat digunakan, katanya.

Saharuddin berkata setakat ini pihaknya menerima 10 aduan daripada pengguna berhubung kesahihan logo pada produk yang menjadikan seorang pelakon dan penyanyi terkenal sebagai duta.

Justeru itu, beliau menasihatkan golongan artis yang dilantik sebagai duta minuman dan produk kecantikan, kesihatan serta kosmetik agar lebih peka dan bertanggungjawab dalam memilih produk dan tidak hanya memikirkan soal bayaran yang diterima.

Dalam pada itu, katanya LPKPM sedang menyiasat lima lagi produk makanan kesihatan yang sedang popular di pasaran bagi mendapat pengesahan status keselamatan dan kelulusannya daripada pihak berkuasa.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 08 MAC 2014 (SABTU)



Kerajaan Rancang Wujudkan Institusi Bantu Perniagaan Tingkat Produktiviti

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Kerajaan merancang untuk menubuhkan sebuah institusi bagi membantu perniagaan, termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS), meningkatkan produktiviti mereka dalam usaha untuk mencapai inovasi yang lebih tinggi dalam negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak Jumaat.

Beliau berkata pertumbuhan produktiviti perniagaan Malaysia, secara amnya, perlahan berbanding dengan negara-negara lain.

"Dari segi sumbangan kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK), pertumbuhan produktiviti hanya dua peratus berbanding dengan negara lain yang kadar pertumbuhannya lebih tinggi.

"Saya rasa perniagaan Malaysia tidak membuat pembaharuan secepat seperti yang sepatutnya, bukan kerana mereka tidak mahu tetapi mereka tidak tahu bagaimana melakukannya.

"Ini akan menjadi tumpuan kita seterusnya untuk menjadikan perniagaan Malaysia, termasuk PKS, menjadi lebih berdaya saing," kata beliau pada sesi perbincangan panel pada Sidang Kemuncak dan Dialog Ekonomi Kebangsaan bersama Perdana Menteri di sini hari ini.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan daripada anggota panel, bekas Menteri Sumber Manusia Tan Sri Dr Fong Chan Onn, yang bertanya tentang jenis bantuan yang diberikan kepada perusahaan mikro dan sederhana yang berjumlah 655,000 pada 2011, untuk meneruskan sumbangan mereka kepada ekonomi memandangkan banyak yang terjejas oleh langkah-langkah sukar dan kurang bersedia untuk menghadapi cabaran.

Sidang kemuncak yang bertemakan "Memacu Ekonomi Malaysia: Meneliti Punca Utama" dianjurkan bersama oleh Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama), dan Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI).

Perbincangan panel itu diperantarakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif ASLI Tan Sri Dr Michael Yeoh, juga disertai Pengerusi Bank Muamalat Tan Sri Dr Munir Majid dan Pengerusi Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia Tan Sri Dr Sulaiman Mahbob.

Perdana Menteri memberi contoh sebuah institusi khusus di Jerman yang membantu perniagaan dengan inovasi.

Beliau berkata perniagaan akan ke institusi Jerman ini untuk mendapatkan bantuan apabila mahu untuk membuat inovasi, menyelesaikan masalah perniagaan, untuk menjadi lebih cekap atau memerlukan teknologi baharu.

Najib berkata institusi itu akan melaksanakan inovasi bagi pihak perniagaan, termasuk penyelidikan dan pembangunan, proses perniagaan baharu atau membangunkan teknologi untuk menjadikan perniagaan pelanggan lebih produktif dan berdaya saing.

"Kita sedang mengkaji perkara ini, sama ada kita boleh menubuhkan institusi yang sama di Malaysia, di mana perniagaan Malaysia boleh merujuk atau mendapatkan bantuan.

"**SIRIM Bhd** sepatutnya melakukannya dan mereka berbuat demikian tetapi tidak sehingga benar-benar membuat perbezaan yang besar memandangkan angkanya tidak begitu positif lagi," kata beliau.

Najib yang juga Menteri Kewangan, berkata PKS Malaysia dengan perolehan boleh dikenakan cukai tahunan kurang daripada RM500,000 akan dikecualikan daripada mendaftar untuk Cukai Barang dan Perkhidmatan yang akan dilaksanakan pada 1 April, 2015.

Beliau berkata kerajaan berusaha meningkatkan sumbangan PKS kepada ekonomi negara dengan menubuhkan majlis pasukan petugas, dibantu oleh Bank Negara Malaysia dan SME Corporation.

"Ini merupakan sebahagian daripada usaha yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan untuk menggerakkan industri ke hadapan.

"Kita boleh melihat peratusan PKS kepada KDNK semakin meningkat," kata beliau, sambil menambah bahawa produktiviti menjadi bidang yang perlu ditangani.

-- BERNAMA